

Pegawai Pemeriksa
Jabatan Pertanian bertanggungjawab
memperakukan anak benih nurseri
yang menyertai skim ini memenuhi
standard ditetapkan.



PESERTA SKIM

Mengeluar anak benih
klon diperaku oleh
Jabatan Pertanian.

CIRI ANAK BENIH KLON DIPERAKUKAN

1) KETULENAN VARIETI (BAKA)

- Jaminan baka seperti pada
label anak benih

2) BERKUALITI

- Pertumbuhan anak
benih subur

- Anak benih bebas
penyakit

*Sertailah Skim Pengesahan
Bahan Tanaman untuk
menjadi pengeluar anak
benih klon buah-buahan tulen
dan berkualiti.
Kami sedia membantu
merealisasikannya.*



UNTUK KETERANGAN LANJUT,
SILA HUBUNGI

Urus Setia,
Skim Pengesahan Bahan Tanaman,
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Jabatan Pertanian Malaysia,
Wisma Tani, Aras 7,
No. 30 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 Putrajaya

No. Tel : 03-88703448
No. Faks : 03-88887639

Laman Web : <http://www.doa.gov.my>

SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)



*Pengeluaran
Anak Benih
Klon
Buah-Buahan*

PENGENALAN

Anak Benih Klon adalah input asas yang penting bagi pengeluaran hasil buah-buahan di Malaysia. Penggunaan anak benih klon yang diperaku, menjamin ketulenan baka dan kualitinya. Pengeluaran anak benih klon tulen dan berkualiti hanya dapat dilakukan melalui pematuhan prosedur pengeluaran anak benih klon dan pencapaian standard yang ditetapkan. Bagi merealisasikan objektif tersebut, Jabatan Pertanian telah mewujudkan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT).

Di bawah SPBT, Pegawai Pemeriksa kompeten akan memperakukan anak benih klon buah-buahan yang memenuhi standard ditetapkan. Keyakinan pembeli akan meningkat terhadap nurseri tanaman yang mengeluarkan anak benih klon yang diperaku.

SPBT terbuka kepada pengusaha nurseri tanaman seluruh Malaysia. Penyertaan adalah secara sukarela dan tidak dikenakan sebarang bayaran.

FAEDAH

Pengusaha nurseri tanaman yang menyertai SPBT akan menerima faedah berikut :

- Berpeluang menjadi pembekal anak benih klon buah-buahan untuk projek pertanian di bawah Jabatan/Agensi Kerajaan.

Anak Benih Klon Buah-buahan yang diperakukan oleh Jabatan Pertanian dapat meningkatkan keyakinan pembeli terhadap ketulenan varieti tanaman.

Jabatan Pertanian membantu mempromosikan nurseri tanaman yang menyertai SPBT melalui pameran dan Laman Web Jabatan Pertanian.

Menerima khidmat nasihat dan bimbingan daripada pegawai Jabatan Pertanian.

CARA MENYERTAI SPBT

Pengusaha nurseri tanaman perlu mendaftar sebagai peserta skim dengan mengisi borang permohonan yang boleh diperolehi dengan memuat turun dari www.doa.gov.my atau di alamat Urus Setia Skim Pengesahan Bahan Tanaman, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia, Wisma Tani Aras 7, No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.

Selepas menjadi Peserta Skim, pengusaha nurseri tanaman boleh memohon perakuan anak benih klon buah-buahan bagi jenis varieti tanaman yang terdapat dalam Senarai Varieti Tanaman untuk pengesahan SPBT.